

Bertemu rakyat: Muhyiddin melawat pedalaman Sarawak
Utusan Online
Februari 25, 2012
Oleh SOPI SAMAILE

BAKONG (Miri) 25 Feb. - Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tinjar, Pekan Lapok, dekat sini dalam rangka lawatan kerja serta bertemu penduduk di kawasan luar bandar di bahagian ini petang ini.

Dalam program tersebut, Timbalan Perdana Menteri menghadiri program perjumpaan khas bersama guru-guru Daerah Miri dan Marudi.

Pada sebelah malam pula, Muhyiddin dijangka menghadiri majlis Makan Malam anjuran Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) sebelum berangkat pulang ke ibu negara. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0225&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_14.htm